

Peranti Tanpa Wayar Pemantau Sakit Belakang Bawah PULIH adalah peranti biofeedback yang menggunakan bateri litium-ion. Peranti ini boleh digunakan oleh doktor dan pengguna untuk mendapatkan indikator sakit belakang. Indikator ini diperoleh daripada ukuran EMG yang dikira secara automatik kepada Nisbah Relaksi Fleksi. Pemilik PULIH akan dapat menggunakan peranti ini secara bebas menggunakan aplikasi mudah alih PULIH untuk telefon pintar iOS dan Android, manakala doktor akan memantau dari jauh menggunakan perisian Dr Dashboard melalui komputer. Peranti boleh digunakan di rumah dan hospital.

1

elektrod1
elektrod2
elektrod3

Penggelongsor Perumah
Pasangkan elektrod pada penggelongsor

2

L4
L5

- Ikuti arahan disyorkan oleh doktor, pasang penggelongsor perumah pada kedudukan L4, L5 pada pinggang belakang. Gunakan kedudukan yang sama setiap kali untuk pengukuran konsisten.

3

- Letakkan peranti pada permukaan rata untuk memulakan sambungan.
- Tekan butang semua fungsi untuk menghidupkan peranti. Lampu penunjuk LED warna biru menandakan peranti telah dihidupkan.
- Lampu penunjuk LED dengan lampu biru akan berkelip semasa mencari sambungan kepada aplikasi melalui bluetooth

4

- Lancarkan aplikasi PULIH pada telefon pintar anda untuk menghubungkan peranti dengan aplikasi
- Lampu LED akan berhenti berkelip menandakan sambungan telah berjaya

5

- Dalam aplikasi PULIH, tekan butang '+' untuk mula dan tekan 'continue'
- Tekan butang 'start' untuk memulakan pengukuran
- Lampu LED akan bertukar warna hijau menandakan alat telah sedia untuk digunakan

6

- Pasang peranti pada penggelongsor yang telah dilekatkan pada badan pengguna

7

- Melalui aplikasi, ikut arahan pada skrin dan mula membongkokkan badan

8

Hasil pengukuran akan ditunjukkan pada skrin setelah pengukuran selesai.



Spesifikasi Pakej:
Alat, Slider, Wayar pengecas & rujukan penggunaan